

Forum bukan bertujuan

BH 31 MAR 2002

BOLEH Datuk Seri jelaskan mengenai sesi khas yang hanya menetapkan satu agenda ini?

Agendanya hanya satu iaitu terorisme atau keganasan supaya kita dapat mendalami perbincangan yang kini menjadi tajuk paling hangat di dunia. Kejadian 11 September 2001 (911) mengemukakan seluruh masyarakat antarabangsa dan manusia sejagat mengenai isu keganasan ini. Kerana itu, sesi khas ini adalah satu forum yang amat penting untuk membincangkan isu-isu keganasan secara serius.

Adalah menjadi harapan Malaysia agar sesi khas ini akan menjadi satu landasan untuk masyarakat antarabangsa membanteras semua kegiatan keganasan ini secara global. Sejak 911, pola dunia juga sudah bertukar dan ia paling banyak memberi kesan kepada negara Islam dan masyarakat Islam. Pandangan dunia dan masyarakat antarabangsa terhadap orang Islam telah membangkitkan banyak beban dan ada kalanya kesan negatif. Kerana itu adalah penting untuk kita mencari rumusan dan penyelesaian kepada masalah keganasan ini, tetapi ia bukan saja dilihat dari sudut tindakan ketenteraan tapi dari sudut lebih menyeluruh yang merangkumi soal politik, sosial dan ekonomi.

Siapa yang mencetuskan idea untuk mengadakan sesi khas ini?

Idea ini dicetus oleh Perdana Menteri untuk membolehkan negara-negara Islam dibawa bersama di dalam arus perdana perbincangan dan membuat rumusan terhadap isu keganasan dan cara untuk mengatasinya. Forum ini adalah peluang terbaik untuk negara-negara Islam yang kini diberi perhatian oleh seluruh dunia, terutama negara Barat kerana mereka hendak melihat bagaimana negara Islam akan mengambil pendekatan sama ada ia akan mengambil pendekatan berasaskan emosi atau rasional, retorika atau tindakan yang positif. Jadi, tujuan kita ialah dengan adanya sesi khas ini kita mungkin akan dapat menganalisis secara lebih terperinci mengenai takrifan keganasan, sebab kejadiannya dan bagaimana kita boleh bekerja dengan secara kesepakatan untuk menyumbangkan ke arah pembentukan satu orde dunia yang lebih selamat, lebih sejahtera, lebih stabil. di mana masyarakat Islam tidak berasa terpinggir dan di mana masyarakat Islam turut terbahsi dalam membetulkan imej dan persepsi mengenai Islam.

Semua umat Islam mesti insaf bahawa kejadian 911 ini banyak menjejaskan persepsi dan imej Islam, terutama apabila ia dimainkan sebegini rupa oleh media massa, sehingga ada kalanya bila orang melihat terorisme dia melihat seolah-olah terorisme ini satu fenomena baru, dan fenomena ini hanya terbit di benua Islam saja dan dilakukan oleh hanya orang Islam. Sedang-

MALAYSIA antara negara paling lantang mendesak Barat supaya tidak sewenang-wenangnya menuduh umat Islam sebagai pengganas hingga menjadi musuh dan golongan yang patut diawasi. Jangan hanya kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Justeru Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah menyarankan supaya diadakan satu forum khas untuk berbincang mengenai isu keganasan dan mencari rumusan terbaik untuk menanganinya. Malaysia menawarkan Kuala Lumpur untuk dijadikan gelanggang perdebatan. Justeru, Mesyuarat Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)

selama tiga hari bermula esok menetapkan hanya satu agenda untuk dibincangkan - terorisme atau keganasan. Ikuti temu wawancara wartawan *Berita Minggu*, JAMHARIAH JAAFAR dengan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (gambar), mengenai apa yang diharap dapat dicapai menerusi forum itu.

kan soal yang lebih luas ialah soal ketidakadilan, kezaliman, kemiskinan dan buta huruf yang masih menyebabkan perasaan terganggu dan marah di kalangan masyarakat Islam, sehingga golongan pelampau dapat mempengaruhi pemikiran mereka untuk melakukannya (keganasan). Selain itu, keganasan ini seharusnya dilihat sebagai satu jenayah yang tidak dikaitkan dengan kaum, agama atau budaya. Oleh kerana ia jenayah yang tidak boleh dicapai penyelesaiannya oleh satu negara, maka ia memerlukan satu kerjasama di peringkat antarabangsa.

Jadi, ini satu forum yang membolehkan kita berbahas supaya setiap negara yang hendak memberi pandangan akan dapat memberi pendapat, sikap dan pemikiran mereka untuk menyelesaikan isu ini. Kita harap hasil daripadanya, kita akan ada satu pelan tindakan yang terancang yang akan dapat menyumbang secara positif kepada pemikiran dunia dan sekali gus dapat membetulkan imej orang lain terhadap agama dan masyarakat Islam. Apa yang perlu kita tekankan ialah golongan pelampau ini wujud bukan setakat di kalangan masyarakat Islam, tetapi ia turut wujud di kalangan bangsa dan agama lain termasuk pelampau Kristian, Budha dan pemegang ideologi tertentu.

Idea PM ialah supaya ada perbincangan secara terbuka kerana negara Islam terbahsi secara langsung dan yang menjadi sasaran sekarang ialah orang Islam terutama dari Timur Tengah. Jadi, strategi yang penting bukan saja membatikan pertahanan dan keselamatan, tetapi juga yang lebih berbentuk untuk memenangi jiwa dan hati masyarakat Islam sendiri dan membetulkan pandangan orang terhadap kita.

Datuk Seri, sejak tragedi 911, masyarakat Islam menerima layanan buruk terutama di negara Barat.



Adakah forum ini mampu untuk mengambil tindakan khusus?

Kita tidak fikir dengan mengadakan persidangan ini kita boleh ada satu rumusan yang muktamad. Tapi ia boleh membawa kita ke arah usaha untuk mencapai penyelesaian yang lebih baik, yang boleh menyumbang kepada arus perdana. Selama ini tanpa berunding dengan mana-mana negara Islam, tiba-tiba mendapati diri kita dalam suasana seolah-olah tertuduh. Bagaimanapun, forum ini bukan bertujuan mencari ruang untuk kita mengkritik atau menyerang Barat atau orang bukan Islam, tapi kita hendak jelaskan bahawa agama Islam adalah agama keamanan dan keselamatan.

Jihad di dalam Islam bukan berjuang untuk membawa kemusnahan. Jihad dalam konteks Islam adalah untuk mempertingkatkan maruah dan martabat Islam di dalam bidang ilmu dan bidang di mana mereka betul-betul boleh menjadi khalifah di muka bumi ini. Dan kita Malaysia bertuah kerana pandangan kepemimpinan kita sentiasa diambil kira kerana kita dianggap sebagai satu model negara Islam yang mempunyai kesederhanaan di dalam anutan agamanya dan mengikut ajaran agama Islam sebenar. Amalan Islam kita juga progresif, tidak bertentangan dengan pemodenan dunia dan ia boleh melahirkan perpaduan dan keharmonian di dalam konteks masyarakat majmuk dan dunia sekarang dengan kemajmukan serta kepelbagaian, sudah tentu perlu melihat kepada model-model yang berjaya.

Dan salah satu model yang berjaya ialah Malaysia. Tetapi kejayaan itu tidak bermakna kita berasa angkuh dan bongkak atau besar diri, cuma ia memberi kita kekuatan untuk meyakinkan masyarakat antarabangsa bahawa Islam ini mempunyai sumbangannya terhadap isu-isu yang hangat didebat dan di-

mengkritik Barat

sekali. Untuk mencari punca kita kena cari sebab. barulah kita boleh memberi panda&an dan syor.

Kita tak tahu pandangan negara Islam lain, tapi OIC sendiri ada takrifannya mengenai 'terorisme', dia ada konvensyen sendiri. Dan negara-negara Islam ini ia pelbagai, berbeza-beza, jadi kita harap dalam pengaruh dan benua yang berbeza-beza ini, dapat kita mencapai satu matlamat untuk kita katakan ini adalah puncanya dan cara-caranya (untuk menangani keganasan).

Macam di Malaysia, kita dapat mengatasi ideologi komunis dan keganasan yang dilakukan komunis dengan mengetahui apakah punca masalah dan kita menyelesaikannya melalui program 'heart and minds'. Mungkin program ini boleh kita gunakan dalam konteks yang lain. Sebab itu saya tengok PM, ketika beliau bertemu Presiden (George) Bush di Shanghai, beliau telah menjelaskan pandangan dan persepsi negara Islam dan apa yang beliau tidak puas hati (dengan layanan masyarakat antarabangsa).

Malaysia ada objektif dan prinsip sendiri dan kita hendak satu pelan tindakan yang bersepadu. Kemudian kita mungkin adakan satu jawatankuasa susulan. Tetapi ini adalah pandangan kita di peringkat awal, apa yang akan diterima setelah kita berhasrat terpujang kepada masing-masing. Sesi khas ini Menteri Luar Afghanistan sendiri akan turut hadir, 49 daripada 57 negara OIC akan mengambil bahagian dan majoriti yang akan hadir adalah di peringkat menteri luar atau timbalan menteri luar. Jadi dari segi penerimaan dalam konteks OIC adalah amat baik, terutama memandangkan sesi khas ini dibuat atas perbelanjaan Malaysia sendiri.

Sejak tragedi bangunan runtuh di New York, Malaysia dilihat antara negara paling aktif dalam mempertahankan kedaulatan Islam...

Ini dapat kita lakukan kerana politikinya stabil, rakyat hidup dalam keharmonian, sejahtera dan perpaduan, dan kita dilihat sebagai sebuah negara yang bebas mencetuskan pandangannya. Kalau kita tertekan dan bergantung pada orang lain, kita mungkin tidak dapat memainkan peranan untuk memimpin. Tapi kini per&an memimpin ini diberikan kepada Malaysia dan ini adalah satu pengiktirafan daripada bukan saja negara Islam bahkan juga di kalangan negara bukan Islam. Keadaan ini cukup jelas ketika PM memberi pandangan semasa membuat ucapan di New York, pandangannya mendapat pengiktirafan baik dan ia memberi mereka kefahaman mengenai apakah Islam dan pemikiran umat Islam terhadap isu-isu keganasan. Dengan adanya sesi khas di KL ini, saya harap satu masa kelak mereka akan menerima untuk mengadakan persidangan

di peringkat antarabangsa di bawah naungan PBB. Mungkin ada kekhawatiran jika kita adakah perbincangan ini ia akan menjadi tapak untuk 'bashing' (menghentam). 'American bashing' atau Barat 'bashing', tapi itu bukan objektif yang hendak kita capai. Apa yang kita hendak capai ialah sesuatu yang munasabah dan rasional, yang menggunakan pemikiran bukan yang digerakkan oleh perasaan dan emosi

Bagaimanapun di peringkat politik tempatan, parti pembangkang seperti Pas mungkin akan mengkritik usaha kerajaan pemerintah ini dan mendakwa pemimpin seperti PM ingin dipanggil wira?

Orang seperti PM ini tidak perlu membuktikan beliau adalah seorang wira. Untuk jadikan seseorang itu wira atau juara, bukan kita yang menentukan. Kita bukan main politik. Pemimpin pembangkang hanya hendak mengambil kesempatan dengan mengambil pendekatan mengutuk dan mencari perkara-perkara yang sengaja dicipta mereka. Sedangkan bila kita pergi ke luar kita lihat penerimaan negara lain sungguh ikhlas dan jujur. Kita tidak perlu menerima apa yang difikirkan oleh Pas kerana ia tidak pernah menunjukkan kemampuan untuk menterjemah sebuah masyarakat Islam sebagaimana dikehendaki oleh agama Islam.

Islam maknanya kita tunduk pada kekuasaan Allah dan membawa keaamanan. Allah vernah berfirman supaya kita jangan membawa kerosakan di muka bumi ini. Sebagai khalifah di bumi ini, kita hendak tunjukkan bahawa Islam adalah agama yang menerima pembangunan yang menerima pembedan dan pada masa yang sama menegakkan akhlak yang baik. Ia tidak meninggalkan dunia, ia hidup di dalam dunia dan kita menterjemahkan maksud al-Quran bahawa Allah menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk memimpin.

Tapi Pas tidak menunjukkan itu semua. Mereka menunjukkan sebaliknya. Mereka tidak mengambil tindakan atau mengutuk apabila mengetahui adalah ahlinya yang terbabit dengan golongan pelampau dan kumpulan yang melakukan keganasan, yang boleh mencekutkan porak peranda. Jadi saya fikir bukan terletak kepada Pas untuk membuat penghakiman tapi untuk dunia melihat dan memerhati kita dan membuat rumusan tersendiri.

Adakah satu perisytiharan khas dijangka dikeluarkan oleh sesi khas ini?

Itu niat dan tujuan kita. Tapi ia terpujang kepada mesyuarat. Kita harap dapat dikeluarkan satu 'Deklarasi Kuala Lumpur' yang merangkumi prinsip, sebab-sebabnya dan pelan tindakan, di samping diwujudkan satu kumpulan yang boleh menyusul hal-hal ini.

bahas. Jadi dengan keprihatinan Malaysia ini, saya yakin orang akan melihat usaha Malaysia ini adalah ikhlas dan bukan bertujuan untuk mengkritik mana-mana negara, sebaliknya kita mempunyai pendirian yang berprinsip.

Ini antara sebab mengapa Malaysia mengadakan sesi khas ini dan tajuknya hanya satu. Kita mahu jelaskan bahawa semua negara Islam sebenarnya tidak bersama dengan kumpulan pelampau atau menggunakan keganasan untuk mencapai matlamat. Tapi kita kena ada syor, pelan tindakan dan bagaimana kita hendak menangani dan menguruskan perkara ini di dalam dunia yang kini menjadi lebih kompleks dan rumit. Justeru, saya yakin apabila PM rasmikan perjumpaan ini di peringkat menteri-menteri luar negara Islam, ucapan beliau akan jadi bahan perbincangan dan kita harap nanti semua dapat bersatu dalam mengeluarkan pandangan negara-negara Islam terhadap isu keganasan ini.

Adakah forum ini akan menyentuh isu pergolakan Palestin-Israel?

Saya fikir dalam konteks keganasan ini salah satu daripada isu dan perkara yang membangkitkan kemarahan dan perasaan tidak puas hati di kalangan umat Islam dan negara Islam ialah isu Timur Tengah, Asia Barat. Jadi, isu Palestin-Israel ini memang satu daripada isu di mana orang akan mengambil tindakan yang luar biasa dan orang yang terbabit ini kalau kita hendak katakan semata-mata penganas pun tidak betul, kerana mereka tidak puas hati. Kalau kita lihat kejadian 911 bukan membatikan negara miskin, tapi dari negara kaya dan orang yang terbabit pun bukan orang miskin tapi orang yang mempunyai kedudukan dan hidup selesa. Kerana itu kita kena cari punca dan sumbernya. Kalau anda hendak menyelesaikan sesuatu masalah, anda tidak boleh melihat kepada simptomnya saja, tapi kena lihat pada diagnosisnya